

29/07/1997

Kenali sejarah untuk berjaya

LANGKAWI, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, golongan yang tidak mengenal sejarah dan asal-usul mereka sukar mencapai kejayaan serta tidak tahu arah tuju sebenar.

Menurut Perdana Menteri, walaupun melangkah ke depan, mereka sebenarnya terbelakang kerana tidak tahu sejarah dan asal usul sendiri.

Beliau meminta rakyat menghargai sejarah dan mengambil iktibar untuk mencetuskan kesedaran mengenai keadaan dahulu dan sekarang.

"Orang yang tidak tahu sejarah tidak tahu dari mana mereka datang. Akibatnya, kita tidak tahu ke mana kita hendak pergi.

"Kita mungkin mara tetapi sebenarnya kita ke belakang. Itulah yang berlaku kepada mereka yang tidak tahu sejarah," katanya merasmikan Pameran Fotografi 10 Tahun Langkawi Pulau Bebas Cukai, di Kompleks Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), di sini hari ini.

Pameran 10 hari itu dianjurkan New Straits Times (NST) dan Lada. Hadir sama ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid; Pengarah Urusan New Straits Times Press (NSTP), Mohd Noor Mutalib; Pengarang Kumpulan NST, Datuk A Kadir Jasin; Pengarang Kumpulan Berita Harian, Datuk A Nazri Abdullah; dan Pengarah Urusan TV3, Datuk Zahari Omar.

(END)